

# Kerugian Bank Negara RM5.7 bilion

# Kewangan tetap kukuh

Oleh Agoes Kholil

KOTA KINABALU Ahad — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kedudukan kewangan negara tetap kukuh dan tidak terjejas walaupun Bank Negara kerugian RM5.7 bilion dalam pasaran hadapan mata wang asing tahun lalu.

Perdana Menteri berkata, kerugian itu adalah hanya sebahagian daripada keuntungan besar yang diperolehi pada tahun sebelumnya.

Sehubungan dengan itu katanya, kerugian bank pusat itu bukanlah sesuatu yang membimbangkan kerana Bank Negara sebelum ini sudah mencatatkan keuntungan.

“Bukanlah sepanjang masa ia rugi. Kalau kita ambil 1993 memang ada kerugian, tetapi sebelum itu urus niaga hadapan mata wang asing membawa keuntungan hingga kita dapat mengadakan rizab yang begitu besar.

“Kalau kita betul-betul rugi tidak mungkin kita ada rizab sehingga lebih RM70 bilion yang boleh menampung import selama lapan bulan. Kedudukan kewangan negara tidak terjejas dengan kerugian pada 1993,” katanya.

asaskan kerugian yang dialami pada tempoh tertentu, sedangkan beberapa tahun sebelumnya bank pusat itu mencatatkan keuntungan.

“Kalau kita ambil tindakan mestilah berasaskan kepada keadilan kerana kalau berniaga ada masa kita untung dan ada masa kita rugi.

“Kalau kita pilih tahun yang kita rugi dan itu saja yang kita ambil tindakan dan tidak mengambil kira apabila kita untung, saya fikir itu tidak adil.

“Jadi kita kena timbang sepanjang masa urusan ini dibuat oleh si polan adakah sepanjang masa ia rugi,” katanya.

Ditanya mengenai pengganti Jaffar, Dr Mahathir berkata kerajaan belum membuat sebarang keputusan.

“Kabinet belum lagi mengadakan mesyuarat dan pada minggu sudah saya berada di luar negara. Kita tidak bincang perkara ini. Sekurangnya saya belum bincang,” katanya.

Mengenai konglomerat Hongkong, Richard Li, yang dikatakan bimbang untuk melabur di negara ini berikutan penjualan kepentingannya dalam Star TV kepa-

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kerugian RM5.7 bilion yang ditanggung oleh Bank Negara dalam pasaran mata wang hadapan seperti yang diumumkan oleh Gabenornya, Tan Sri Jaffar Hussein, Khamis lalu.

Berikutan itu juga, Jaffar mengaku bertanggungjawab dan menyerahkan surat perletakan jawatan kepada Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Bercakap kepada pemberita di sidang akhbar di sini sebelum mengakhiri lawatan rasmi dua hari ke Sabah, Dr Mahathir berkata sebarang tindakan kerajaan berhubung kerugian yang dialami itu akan berdasarkan keadilan.

Menurutnya, adalah tidak adil jika kerajaan mengambil tindakan kepada pihak tertentu ber-

da Rupert Murdoch, Dr Mahathir berkata hasrat Li itu tidak ada kaitan dengan kepentingan Murdoch dalam stesen tv berkenaan.

“Itu soal Star TV. Yang dia rasa nak datang (melabur), datanglah, bukan salah dia.

“Kalau orang nak beli dengan harga bukan-bukan, saya pun jual. Kalau orang begitu bodoh sanggup beli mahal (kepentingan stesen) tv itu yang tidak mendatangkan keuntungan, lebih baik saya jual,” katanya.

Murdoch, raja media kelahiran Australia dan kini menetap di Amerika Syarikat, membeli 63.6 peratus kepentingan dalam Star TV dengan nilai AS\$525 juta (RM1.47 bilion) melalui News Corp Inc.

Siaran stesen itu dapat diikuti di 53 negara di Asia dan Timur Tengah.